



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 53

27hb Mei 2010

No. 11

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 33.**

(Seksyen 130)

### NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen \*100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyitharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

### JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan/  
Mukim

No. Lot/No. P.T.

Keluasan/Jenis dan  
No. Hakmilik

Meter      H.S.(M)  
Persegi/  
*Square*  
*Metres*

Sena

P.T. 1054

176.51      1317

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

82

[27hb Mei 2010]

Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/No. P.T.	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>	P.N.
Bandar Kangar	Lot 49, Seksyen 8	67	136	H.S.(M)
Jejawi	P.T. 803	534	363	P.M.
Titi Tinggi	Lot 8489	3235	3496	H.S.(M)
Utan Aji	P.T. 1924	345	2359	P.M.
Utan Aji	Lot 3613	199	1992	

Bertarikh 4 Mei 2010

Dated 4 May 2010  
[PTG.Ps.(H) 06 Jld. 1(1)]

SH. INTAN ERIYATTY BINTI SYED MANSOR  
*Penolong Pentadbir Tanah  
Jabatan Tanah dan Galian  
Perlis*

**No. 34.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELOUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

27hb Mei 2010]

83

### JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	Hektar	G.M.	Resit
Beseri	878	2.7266	108	P.M.	100427030028
Titi Tinggi	577	1.8363	1581	G.M.	100428030046
Kayang	26	0.5463	911		100428040037
Ngulang	601	0.2883	1030		100429030044
Ngulang	805	0.0556	142		100429030044
			P.M.		
Padang Siding	8208	0.6297	1761		100429030086
			G.M.		
Titi Tinggi	859	0.8195	299		100430040028
Bertarikh 30 April 2010 [PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 3]			MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM <i>Timbalan Pendaftar Hakmilik Perlis</i>		

### No. 35.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

### PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan Warta No. 19 yang disiarkan pada 1 April 2010 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan:

### JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	Hektar	G.M.	Resit
Seriab	556	0.4022	556		100303050096

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

84

[27hb Mei 2010]

dengan perkataan-perkataan yang berikut:

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Hektar	G.M.	
Seriab	556	0.4022	362	100303050096

[PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 3]

### No. 36.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan ini, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 23 Jun 2010 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM234,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM234,874.33. Nama pemegang gadaian—Malayan Banking Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM23,400.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu Empat Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

27hb Mei 2010]

85

- 
- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 21 Oktober 2010 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot—9232. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1733. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 3645/2006 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 23 April 2010  
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1793(26A)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perlis*

### AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

**No. 37.**

(Seksyen 8)

### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Balik Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 untuk Projek Jalan Masuk ke Kompleks UPP Chuping, Mukim Chuping, Perlis.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

86

[27hb Mei 2010]

- 
2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

### JADUAL

Mukim—Chuping. No. Lot Ukur—P.T. 4365. Hakmilik atau Pendudukan—H.S.(M) 2365. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Menteri Besar Incorporation 1/1 bhg. Keluasan Lot—0.1682 hektar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.1682 hektar (ambil semua).

Bertarikh 29 Mac 2010  
[Bil.(12) dlm. JKPTG/Ps.(UPT) 885]

MOHAMMAD DAUD BIN ABDULL HAMID  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA